



كمنترین سومبر ۲ اوتام دان قلنچوئن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

MAJLIS PELANCARAN ACARA BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2019 DAN KAYUHAN BASIKAL
SEMPENA BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2019

Ahad, 11hb. Rabiulakhir 1441 bersamaan 8hb. Disember 2019
bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien
Negara Brunei Darussalam



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PELANCARAN ACARA BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2019 DAN KAYUHAN BASIKAL
SEMPENA BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2019**

**Ahad, 11hb. Rabiulakhir 1441 bersamaan 8hb. Disember 2019
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien**

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Acara Brunei December Festival 2019 (BDF 2019) di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada pagi ini.
2. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Lembaga Pelancongan Brunei Darussalam dan Menteri-Menteri Kabinet yang lain.
3. Berangkat sama ke Majlis berkenaan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:
 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri;
 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik;
4. Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung mengurniakan titah perasmian bagi menyempurnakan pelancaran Acara BDF 2019. Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah daripada ahli-ahli Jawatankuasa Brunei December Festival 2019. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama Menteri-Menteri Kabinet dan ahli-ahli Lembaga Pelancongan Brunei Darussalam.
5. Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta anakanda-anakanda baginda berkenan mendahului kayuhan basikal sejauh 11.5 kilometer mengelilingi Pusat Bandar dan melalui jalan-jalan utama, antaranya Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Haji Basir, Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.
6. Turut menyertai kayuhan tersebut ialah Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Duta-Duta serta Perwakilan Negara Asing, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan dan orang ramai.

7. Selepas acara kayuhan basikal, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta anakanda-anakanda baginda mula-mula dijunjung menyaksikan pameran 'Domino Terbanyak' yang disebarkan oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan kerjasama Reading and Literacy Association (ReLa) Brunei Darussalam, diikuti dengan pameran-pameran oleh pengendali pesta makanan, pengendali festival Islam, pengendali acara-acara sukan dan aktiviti lasak, pengendali aktiviti seni kreatif dan kebudayaan dan pengendali aktiviti rekreasi dan juga rakan-rakan strategik BDF 2019.
8. Pameran yang menjadi tarikan utama semasa Majlis Pelancaran Acara Brunei December Festival 2019 dan mendapat pengiktirafan dalam Brunei Book of Records ialah pameran 'Domino Terbanyak' sebanyak 60,000 keping domino yang telah disusun oleh penuntut-penuntut dari Universiti Teknologi Brunei dengan kerjasama Reading and Literacy Association (ReLa) Brunei Darussalam yang menunjukkan beberapa corak menarik; dan pameran 'Kikik Bersambung-sambung' sebanyak 215 kikik oleh Persatuan Pemain-Pemain Kikik Brunei (PEKIKIK).
9. Turut menyertai pameran tersebut ialah Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia, Bandar Seri Begawan yang menjadi Urusetia Sukarelawan BDF bagi mengumpulkan sukarelawan yang terdiri daripada belia-belia untuk membantu pengendali-pengendali acara dalam menjayakan acara-acara BDF 2019.
10. Acara Brunei December Festival telah berjaya menarik lebih 90,000 pengunjung pada tahun 2017 dan seramai 173,561 pengunjung pada tahun 2018. Ini adalah kali ketiga acara BDF dianjurkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan didokong oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.
11. Pengendalian Brunei December Festival ini adalah satu inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan warga Brunei untuk aktif sambil bercuti dan menarik pelancong-pelancong untuk memilih Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Selain itu, ianya juga merupakan sebagai platform bagi orang ramai di negara ini serta pelancong yang berkunjung ke negara ini untuk menyertai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang telah disusun.
12. Sebanyak 68 acara disusun sepanjang bulan Disember ini. BDF 2019 menyediakan pelbagai acara-acara menarik seperti *2nd Brunei Offroad Challenge 2019*, *Brunei Coding Conquest 2019*, *Dinosaurs at Brunei City*, *Brunei Film Blitz 2019*, *Writers Festival: The Tiny Lit Fest* dan lain-lain lagi.
13. BDF 2019 juga mencerminkan kerjasama kukuh diantara agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak swasta, institusi-institusi pendidikan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di dalam mengunyahkan acara-acara menarik di sepanjang bulan Disember ini.
14. Bagi mengetahui sebarang maklumat lanjut mengenai senarai acara-acara BDF 2019, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang bruneitourism.com/bdf2019 atau www.brunei.events.

-SEKIAN-